


NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Sheik antara lima peserta yang dicalon

Berita Harian, 10 February 1996, Page 28

 Article also available on Microfilm Reel NL20573

Printer-Friendly Page

Sheik antara lima peserta yang dicalon

⚡ Prestasi Joscelin di Sukan SEA cerahkan harapannya

ANUGERAH OLAHRAGAWAN SUKAN NEGARA 1995

Oleh | **MOHD SANI ALI**

JUARA silat dunia, Sheik Alauddin Yacoob, berdepan dengan cabaran paling getir berbanding dengan kerjaya seni silatnya di gelanggang.

Ini kerana pemenang pingat emas Sukan SEA tahun lalu itu terpaksa bertarung lima penjurua bagi merebut

 Scroll to Top

Anugerah Olahragawan Sukan Negara 1995.

Sheik merupakan salah seorang daripada lima peserta yang telah dicalonkan oleh Persatuan Sukan Nasional bagi merebut anugerah tertinggi dalam sukan republik itu.

Selain pesilat dunia itu, turut dicalonkan ialah pemenang pingat emas Sukan Asia 1994, Benedict Tan dari acara kapal layar, Lee Wong Yew (menembak), Jack Wong (bowling) dan Ng Cheng Hye (wushu).

“Nampak gayanya semua peserta dalam ‘pertarungan’ ini kelihatan handal-handal belaka dan sukar untuk diatasi berbanding dengan ketika saya bertarung di Sukan SEA Chiangmai tahun lalu,” ulas Sheik Alauddin ringkas.

“Adalah sukar bagi saya untuk merebut anugerah kali ini kerana berdasarkan kepada pencapaian saya pada tahun lalu, saya hanya memenangi emas di Sukan SEA.”

Peluang terbaik Sheikh untuk merebut anugerah ini ialah dalam 1994 ketika beliau menjuarai Kejohanan Silat Dunia di Haadyai, tetapi di-

kalankan oleh Ben Tan, yang berjaya memungut pingat emas tunggal negara di Sukan Asia Hiroshima.

Ini merupakan kali ketiga Ben Tan dicalonkan oleh Persatuan Kapal Layar Singapura (SYA). Beliau telah menjulang anugerah itu sebanyak dua kali.

Begitupun, Wong Yew, Jack Wong dan Cheng Hye tidak kurang hebatnya.

Jack Wong memenangi tiga pingat emas menerusi acara perseorangan, 'All-Events' dan lima berpasukan.

Cheng Hye pula merupakan pemenang tunggal pingat emas di Kejohanan Dunia di Baltimore, Amerika Syarikat, pada Oktober lalu.


Sehubungan dengan itu, persaingan bagi merebut anugerah Olahragawai 1995 kelihatan lebih terserlah dan sudah dapat dibayangkan siapa pemenangnya.

Kejayaan Joscelin Yeo, 16 tahun, memungut tujuh pingat emas dari acara renang di Chiangmai, jumlah terbesar diperolehi oleh seorang atlit di sukan dwitahunan itu, memperkukuhkan kedudukannya bagi anugerah tersebut.

Biarpun demikian, Yeo yang tewas di tangan Tracy Tan dari acara kapal layar ba-

gi Anugerah Olahragawati 1994, akan dicabar oleh Grace Chew (bola jaring), Mah Li Lian (squash) dan Tan Mui Buay dari Wushu.

Pemilihan olahragawan dan olahragawati ini dijangka dibuat pada awal Mac.



SHEIK ALAUDDIN:
Menang pingat emas dalam Sukan SEA.



BENEDICT TAN: Dicalon buat kali ketiga oleh SYA.

^ Scroll to Top



JACK WONG: Meme-
nangi tiga pingat emas
dalam acara bowling.

^ Scroll to Top